

ROS Diberi Kebenaran Kemuka Rayuan Mengenai Pendaftaran SNAP
Bernama
21 Februari , 2012

PUTRAJAYA, 21 Feb (Bernama) -- Pertikaian mengenai pendaftaran parti politik di Sarawak, Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP) masih belum berakhir memandangkan Pendaftar Pertubuhan (ROS) diberi kebenaran oleh Mahkamah Persekutuan di sini pada Selasa untuk mengemukakan rayuan terhadap keputusan mahkamah yang mengekalkan pendaftaran parti itu.

Hakim Besar Malaya Tan Sri Zulkefli Ahmad Makinudin mempengerusikan tiga anggota panel sebulat suara membenarkan permohonan ROS untuk mengemukakan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Rayuan yang mengetepikan perintah ROS pada 2002 untuk membatalkan pendaftaran SNAP berikutan kegagalan parti itu menyelesaikan krisis kepimpinan parti yang berlarutan.

Panel itu, terdiri daripada hakim-hakim Mahkamah Persekutuan Datuk Suriyadi Halim Omar dan Mahkamah Rayuan Datin Paduka Zaleha Zahari bersetuju dengan hujah Peguam Kanan Persekutuan Datin Azizah Nawawi, yang mewakili ROS, bahawa persoalan undang-undang yang timbul untuk penentuan Mahkamah Persekutuan berhubung tafsiran Seksyen 13 dan Seksyen 16 Akta Pertubuhan tidak diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan.

Mahkamah Persekutuan perlu menentukan empat persoalan undang-undang dalam prosiding rayuan termasuk soalan mengenai sama ada di bawah Seksyen 16 dibaca bersama Seksyen 13 (2) Akta Pertubuhan 1966, Pendaftar Pertubuhan hendaklah bertindak secara mekanikal atau mempunyai budi bicara untuk membatalkan pendaftaran sesuatu pertubuhan sekiranya syarat-syarat Seksyen 16 (1) tidak dipatuhi.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=647049>